



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

14 April 2017

## SUARA MSWG

### *Perkembangan Pasaran Modal*

Walaupun mengujakan, lonjakan daripada minat pelabur runcit dalam bursa tempatan baru-baru ini mungkin didorong oleh tempias daripada minat dalam saham-saham bermodal besar dan jangkaan terhadap prestasi pendapatan yang lebih baik pada 2017.

Minat pelabur asing juga telah membantu merangsang sentimen, dengan laporan yang menunjukkan belian asing sepanjang sembilan (9) minggu berturut-turut berjumlah RM6.4 bilion setakat tahun ini. Jumlah ini melebihi dua kali ganda jumlah aliran keluar (RM3.01 bilion) dalam keseluruhan 2016.

Walau bagaimanapun, pemegang saham minoriti perlu terus mengambil iktibar daripada perkara asas dan tidak mudah terpengaruh dengan keuntungan yang cepat dan mudah dalam saham barisan kedua dan ketiga yang lebih kecil yang baru-baru ini mencecah had atas.

Aliran modal sentiasa bersifat sementara. Walaupun dana asing yang besar mampu menyerap perubahan turun naik dalam jangka pendek, pelabur kecil pada umumnya tidak mampu berbuat demikian. Oleh itu, setiap pelabur perlu peka serta mendapatkan maklumat sebelum membuat sesuatu pelaburan.

Memandangkan kita sudah menghampiri tempoh puncak AGM, kami mengalih perhatian anda kepada topik seterusnya, antara lain mengetengahkan perkara berikut:

### *Perjalanan Mesyuarat - Resolusi yang Dicadangkan*

Dalam sesebuah AGM atau EGM, bolehkah seorang Pengerusi sewenang-wenangnya membuat keputusan bahawa suatu resolusi yang dicadangkan (PR) seperti yang disenaraikan dalam Notis untuk mesyuarat itu “tidak sah” atau hanya “akademik” dan seterusnya mengisytiharkan untuk mengabaikan resolusi yang dicadangkan itu?

MSWG berpendapat, Pengerusi mesyuarat bertanggungjawab mengemukakan setiap Resolusi yang Dicapadangkan seperti yang disenaraikan dalam Notis mesyuarat untuk undian, dengan syarat Resolusi itu adalah resolusi yang efektif. Sesuatu resolusi yang dicadangkan dikatakan tidak efektif jika kandungannya disahkan mengandungi fitnah, remeh dan menyusahkan. Dalam kes seperti ini, Pengerusi perlu menyatakan bahawa resolusi ini tidak efektif dan kemudiannya mengisytiharkannya dalam mesyuarat tersebut. Kami berpendapat, sebagai suatu amalan tabir urus korporat yang baik, Pengerusi perlu melibatkan pemegang saham yang hadir dan sama-sama berbincang dengan ahli Lembaga Pengarah serta pihak Pengurusan dan bersetuju bahawa PR itu sememangnya tidak efektif.

Sesuatu PR juga dianggap tidak efektif jika ia tidak dibenarkan di bawah Akta Syarikat atau bertentangan dengan Perlembagaan syarikat. Dalam setiap kes PR yang efektif, tiada ruang untuk Pengerusi untuk tidak mengendahnya. Sesuatu PR yang berkesan dianggap sebagai sebahagian daripada urusan yang boleh dijalankan pada mesyuarat itu dan perlu melalui pengundian.

### ***Pelantikan Proksi***

Memandangkan kini semua resolusi yang dibentangkan dalam mesyuarat agung (AGM dan EGM) syarikat Tersenarai Awam perlu diundi oleh pungutan suara, sila ambil perhatian terhadap bahagian kedua Seksyen 334(3) Akta Syarikat 2016. Menurut undang-undang, instrumen pelantikan proksi dan kuasa peguam atau pihak berkuasa lain perlu disimpan di tempat yang dinyatakan dalam notis untuk mengadakan mesyuarat itu, “dalam hal pengundian, tidak kurang **dua puluh empat jam** sebelum masa yang ditetapkan untuk membuat pengundian”. Oleh itu, penyerahsimpanan proksi tidak kurang daripada empat puluh lapan jam tidak boleh digunakan lagi.

### ***Pengarah Dalam Siasatan***

Satu lagi isu penting yang melibatkan pengarah iaitu amalan yang mana pengarah dalam siasatan dilepaskan daripada tugas mereka sementara menunggu sama ada mereka dibuktikan bersalah atau tidak. Ini perlu dipatuhi dengan tegas. Syarikat dan pengarah syarikat yang terlibat perlu berusaha sedaya upaya untuk mematuhi permintaan daripada badan kawal selia serta pihak berkuasa yang terbabit dan memberikan kerjasama sepenuhnya. Setiap langkah perlu diambil demi memastikan prestasi kewangan dan reputasi syarikat tidak terjejas.

### **PASUKAN MSWG**

14 April 2017

---

### **TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 17 - 21 APRIL 2017**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my) .

<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Lokasi</b>
17.04.17 (Isnin) 10.30 pagi	Petronas Gas Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Jalan Ampang, Kuala Lumpur
18.04.17 (Selasa) 10.30 pagi	British American Tobacco (M) Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, Kuala Lumpur
19.04.17 (Rabu) 10.00 pagi	Petronas Dagangan Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Jalan Ampang, Kuala Lumpur
19.04.17 (Rabu) 10.00 pagi	OSK Holdings Bhd (AGM)	Swiss-Garden Hotel & Residences Kuala Lumpur
19.04.17 (Rabu) 10.30 pagi	Malakoff Corporation Bhd (AGM)	Hotel Istana Kuala Lumpur
19.04.17 (Rabu) 11.00 pagi	Malaysia Marine & Heavy Engineering Holdings Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, KL
19.04.17 (Rabu) 11.00 pagi	Chee Wah Corporation Bhd (CCM)	The Light Hotel, Lebuah Tenggiri 2, Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang

19.04.17 (Rabu) 11.30 pagi	Chee Wah Corporation Bhd (EGM)	The Light Hotel, Lebuah Tenggiri 2, Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang
20.04.17 (Khamis) 11.00 pagi	Carlsberg Brewery Malaysia Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Sime Darby, Tingkat 1, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, Kuala Lumpur
20.04.17 (Khamis) 11.00 pagi	KPJ Healthcare Bhd (AGM)	The Puteri Pacific Hotel, Jalan Abdullah Ibrahim, Johor Bahru
20.04.17 (Khamis) 11.00 pagi	MISC Bhd (AGM)	InterContinental Kuala Lumpur
21.04.17 (Jumaat) 03.00 petang	Bintulu Port Holdings Bhd (AGM)	Hilton Kuching, Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuching, Sarawak
22.04.17 (Sabtu) 10.30 pagi	United Plantations Bhd (AGM)	United Plantations Berhad, Jendarata Estate, Teluk Intan, Perak

**Perkara penting untuk diajukan:**

<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/Isu Untuk Diajukan</b>
Petronas Gas Bhd (AGM)	<p>Di bawah Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016 (GSA), tarif dan syarat-syarat perkhidmatan gas akan dikawal selia dan ditentukan oleh Suruhanjaya Tenaga. Ini menandakan suatu perubahan daripada amalan yang dipraktikkan selama ini, iaitu tarif penghantaran dan pegelasan semula sudah dipersetujui antara PETRONAS dan PGB, dengan mengambil kira pelaburan PGB dalam infrastruktur yang diperlukan untuk membekalkan gas kepada pelanggan PETRONAS.</p> <p>Apakah kesan dan implikasi pindaan baharu ini kepada pendapatan PGB serta aspek-aspek operasi lain, jika ada?</p>
Petronas Dagangan Bhd (AGM)	<p>Pada tahun ini, suatu kemerosotan nilai telah dibuat ke atas penghutang subsidi berjumlah RM89.9 juta yang berkaitan tuntutan subsidi diesel untuk tempoh April 2012 hingga Januari 2013 memandangkan tiada keputusan dibuat mengenai pembayaran balik oleh Kerajaan.</p> <p>(i) Mengapakah kemerosotan nilai ini hanya dibuat selepas bertahun-tahun?</p> <p>(ii) Apakah isu yang berkaitan dengan ketiadaan pembayaran oleh Kerajaan?</p> <p>(iii) Apakah tindakan yang diambil oleh PDB untuk mendapatkan semula amaun itu dan apakah perkembangan terkini?</p> <p>(iv) Apakah kebarangkalian untuk mendapatkan semula amaun itu?</p>
OSK Holdings Bhd (AGM)	<p>Menurut Ulasan Pengarah Urusan Kumpulan, Bahagian Hotel mencatatkan kerugian sebanyak RM16.3 juta pada tahun kewangan (TK)2016, sebahagian besarnya disebabkan oleh kadar penghunian yang rendah di seluruh hotel Kumpulan selain kos operasi yang dibelanjakan untuk Swiss-Inn Johor Bahru yang baru dibuka. Bahagian ini juga membuat peruntukan kejejasan nilai ke atas kos pembangunan di Damai Laut Resort yang berjumlah RM10.4 juta.</p> <p>i. Apakah kadar penghunian purata untuk hotel-hotel ini?</p> <p>ii. Apakah langkah yang diambil untuk menambah baik kadar penghunian hotel?</p>
Malaysia Marine & Heavy Engineering Holdings Bhd (AGM)	<p>Keuntungan Sebelum Cukai Kumpulan telah berada dalam aliran menurun sejak TK2012 dan kemudiannya menjadi Kerugian Sebelum Cukai berjumlah RM135 juta pada TK2016. Kerugian Sebelum Cukai sebahagian besarnya disebabkan oleh penguncupan dalam industri Minyak dan Gas yang memberi kesan terhadap pesanan tempahan Kumpulan serta peruntukan kemerosotan nilai berjumlah RM141 juta.</p>

**Perkara penting untuk diajukan:**

	<ul style="list-style-type: none"><li>(i) Adakah Lembaga menjangkakan tambahan dalam peruntukan kemerosotaan nilai bagi TK2017?</li><li>(ii) Adakah prestasi Kumpulan dijangka pulih pada TK2017 dan jika ya, apakah yang menjadi faktor utama?</li></ul>
Chee Wah Corporation (EGM)	<p>Dalam Pekeliling, Lembaga menyatakan Cadangan Penyusunan Semula Dalam akan membolehkan CWG Holdings Berhad (“CWG”) menjadi sebuah syarikat pegangan pelaburan, yang diberikan fleksibiliti untuk meneroka segmen perniagaan baharu apabila berpeluang berbuat demikian.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Bolehkah Lembaga jelaskan sebab-sebab utama mengapa struktur korporat yang sedia ada tidak dipertimbangkan untuk melaksanakan aktiviti korporat yang dinyatakan di atas, sebaliknya perlu melalui Cadangan Penyusunan Semula ini?</li><li>(ii) Dalam perancangan Kumpulan, apakah jenis perniagaan yang dirancang untuk diceburi dan apakah peluang yang sudah dikenal pasti setakat ini?</li></ul>
Carlsberg Brewery Malaysia Bhd (AGM)	<p>Kami mendapati Kumpulan mencatatkan kerugian berjumlah RM5.1 juta, yang diiktiraf dalam syarikat bersekutunya Lion Brewery (Ceylon) PLC (“LBCP”) di Sri Lanka yang terjejas teruk akibat banjir.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Adakah Kumpulan perlu menyuntik modal tambahan untuk memulihkan operasi syarikat tersebut memandangkan majoriti kilang pengeluaran syarikat bersekutu telah rosak teruk?</li><li>(ii) Setakat mana perkembangan pembinaan semula loji pengeluaran LBCP ini?</li><li>(iii) Apakah pandangan Lembaga Pengarah mengenai prestasi syarikat bersekutu ini bagi TK2017?</li></ul>
MISC Bhd (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan menurun 12% kepada RM9,597.2 juta pada TK2016 berbanding TK2015, sebahagian besarnya disebabkan oleh kadar carter yang lebih rendah yang diperolehi daripada kontrak baharu dalam segmen LNG serta pendapatan yang lebih rendah daripada kontrak pembinaan dalam segmen Marin dan Kejuruteraan Berat.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Apakah prospek bagi kadar carter pada umumnya dan khususnya untuk kontrak dalam segmen LNG pada TK2017?</li><li>(ii) Apakah kadar penggunaan purata untuk keseluruhan kapal pada TK2016 berbanding TK2015 dan apakah jangkaan kadar penggunaan pada TK2017?</li></ul>
Bintulu Port Holdings Bhd (AGM)	<p>Mesej CEO Kumpulan serta Analisis dan Perbincangan Pengurusan melaporkan, Kumpulan telah berjaya mendapatkan kontrak bagi menyediakan perkhidmatan sokongan asas kepada syarikat-syarikat berkaitan minyak dan gas seperti PCSB, PFLNG dan Murphy Oil Sarawak.</p> <p>Apakah status terkini kontrak ini dan bagaimanakah ia menyumbang kepada aliran pendapatan jangka panjang Kumpulan?</p>
United Plantations Bhd (AGM)	<p>Segmen Kilang Penapis Minyak Kelapa Sawit mencatatkan keuntungan operasi sebanyak RM62 juta berbanding RM42 juta pada TK2015. Seperti yang dilaporkan dalam Analisis dan Perbincangan Pengurusan, prestasi yang bertambah baik ini adalah disebabkan oleh jumlah jualan yang lebih tinggi, keputusan lindung nilai</p>

**Perkara penting untuk diajukan:**

	<p>yang positif serta kesan daripada langkah penjimatan kos.</p> <ol style="list-style-type: none"><li>i. Melihat persaingan sengit dari Indonesia dan margin yang tipis untuk segmen ini, adakah Segmen Kilang Penapis dijangka akan meneruskan trend peningkatan keuntungan pada masa hadapan?</li><li>ii. Berapa peratuskah minyak sawit mentah (CPO) yang dihasilkan oleh Kumpulan yang dibekalkan kepada kilang penapis luar? Adakah terdapat apa-apa rancangan untuk mengembangkan Segmen Kilang Penapis bagi memproses 100% minyak sawit mentah yang dihasilkan oleh Kumpulan?</li></ol>
British American Tobacco (M) Bhd	<ol style="list-style-type: none"><li>1) Kami merujuk artikel yang disiarkan oleh The Star pada 28 Mac 2017 yang mengumumkan kemungkinan kenaikan harga rokok serta had umur minimum bagi mereka yang dibenarkan membeli rokok kepada 21 tahun. Apakah komen Lembaga Pengarah mengenai perkara ini dan impaknya kepada Kumpulan?</li><li>2) Kami mendapati jumlah penghutang perdagangan dan lain-lain meningkat daripada RM203.8 juta pada TK2015 kepada RM342.2 juta pada TK2016 walaupun ada pengurangan 18% dalam pendapatan bagi TK2016.<ol style="list-style-type: none"><li>(i) Apakah yang menyebabkan peningkatan dalam penghutang perdagangan dan lain-lain yang mengatasi peningkatan pendapatan Kumpulan?</li><li>(ii) Daripada jumlah RM37.5 juta terhutang oleh subsidiari, RM6.9 juta sudah melebihi tempoh lebih 120 hari. Apakah syarat kredit perdagangan biasa dan sudah berapa lamakah jumlah ini tertunggak?</li></ol></li></ol>

---

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat [farisyusof@mswg.org.my](mailto:farisyusof@mswg.org.my)

---

### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

---

### Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

## **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*